



DUNIA SASTERA ADI BADIOZAMAN TUAH

DATU DR. ADI BADIOZAMAN TUAH

Beliau dilahirkan di Tatau, Sarawak pada tahun 1951. Setelah melalui pendidikan rendah dan menengah di Tatau, Bintulu dan Miri, beliau meneruskan pengajian ke peringkat ijazah pertama dan sarjana di Universiti Malaya dalam bidang Kesusasteraan Melayu dan Pembangunan Kurikulum. Beliau kemudiannya mengikuti program kedoktoran dalam bidang pengurusan pendidikan di Universiti Bristol U.K.

Sebagai seorang individu yang dilatih untuk menjadi seorang pendidik, selama 33 tahun hayat khidmat beliau dalam Perkhidmatan Pendidikan diwarnai oleh pengalaman sebagai

guru, pengetua sekolah, pensyarah maktab perguruan, pegawai pendidikan di peringkat bahagian, negeri dan Kementerian. Jawatan terakhir ialah sebagai Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

Di luar alam perkhidmatan pendidikan, beliau aktif dalam pelbagai organisasi kebahasaan, kesusasteraan, kebudayaan dan keagamaan. Beliau terlibat dalam badan bahasa dan sastera seperti PEBAS (Persatuan Bahasa dan Sastera Sarawak), PUTERA (Persatuan Penulis Utara Sarawak), GPPS (Gabungan Persatuan Penulis Sarawak), dan GAPENA. Dalam bidang teater pula, beliau pernah mengetuai RUSDA (Rumpun Seni Drama Sarawak) dan MANTERA (Medan Teater Sarawak). Selain karya puisi yang diterbitkan dalam beberapa perseorangan, iaitu *Lagu Malam*, *Puisi buat Mama*, *Penziarah Waktu*, *Bahtera Zaman* dan *Bahtera Bahasaku*.

Bagi mendapatkan pandangan tentang dunia kesusasteraan Melayu, Ketua Editor Bahagian Majalah, Encik Azmi Ibrahim dan Penolong Editor *Dewan Sastera*, Sayuti Yusob telah mengadakan wawancara khas bersama-sama beliau.

Bagaimanakah YBhg. Datu boleh terlibat dalam bidang penulisan?

Bidang penulisan saya bermula dalam konteks sosiobudaya dan pendidikan tempat saya mendapat didikan awal. Saya dilahirkan di Tatau. Ketika masih kecil dan berada di sekolah rendah, saya sering menemani ayah saya yang bekerja sebagai seorang buruh kasar dan selalu diberi tugas untuk menggali parit. Ayah saya tidak membenarkan saya menemaninya ketika dia bekerja, jadi dia menyuruh saya menunggu di perpustakaan (ketika itu disebut *reading room*). Minat dalam bidang penulisan bermula dengan minat

membaca yang terpujuk dari zaman persekolahan apabila perpustakaan kecil (Bilik Bacaan) milik Majlis Daerah Bintulu di pekan Tatau, dan perpustakaan di Kampung Dagang Bintulu banyak menyediakan komik dan buku cerita yang menarik dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Minat ini terus berkembang semasa mengikuti pendidikan pada peringkat sekolah menengah di Bintulu. Perpustakaan baharu di Sekolah Menengah Bintulu juga banyak menyediakan bahan-bahan bacaan, termasuk buku cerita klasik yang dipermudahkan turut memberikan peluang yang banyak kepada saya sebagai seorang pelajar yang tinggal di asrama menikmati khazanah sastera antarabangsa.

Saya boleh dikatakan anak kampung yang agak cepat memiliki kemahiran membaca dan banyak mendapat hadiah berbentuk buku. Yang saya masih ingat ialah buku dalam tulisan Jawi tentang kisah Nabi Nuh a.s. semasa di Tingkatan 4 dan 5 saya mengambil mata pelajaran Kesusasteraan Inggeris dan Kesusasteraan Melayu, dan semasa berada di Tingkatan 6, saya mengambil Kertas Pengajian Melayu. Kedua-dua mata pelajaran ini banyak membantu saya mengembangkan minat dan memupuk keinginan untuk menulis, terutama sekali puisi. Apabila ke Tingkatan 6 saya mengambil Pengajian Melayu yang ada komponen sastera dalamnya. Semasa itu saya didedahkan dengan karya penulis Barat dan penulis serantau seperti Masuri S.N, Usman Awang, Keris Mas, Amir Hamzah, Sutan Takdir Alisjahbana, Chairil Anwar, dan sebagainya.

Mengapakah YBhg. Datu memilih genre puisi, dan apa yang seharusnya ada dalam diri seorang penyair?

Saya memilih genre puisi kerana penulisan puisi jauh lebih mencabar. Saya banyak didedahkan dengan acara berbalas pantun yang disebut dalam masyarakat Melayu Sarawak adat bermukim. Kita melihat dalam empat baris yang singkat


itu banyak makna yang dapat dizahirkan secara tersurat dan tersirat. Menggunakan seminumum dan sesingkat bahasa untuk menyatakan gagasan, pemikiran dan idea-idea besar dan ini amat mencabar dan menarik. Selain itu, ini juga benar-benar menggambarkan orang Melayu dan sifat orang Melayu yang tidak berterus terang. Puisi mengungkapkan sesuatu, tetapi pada masa yang sama ada perkara yang tersembunyi.

Penyair mesti sensitif dengan persekitaran, dan dapat melihat pelbagai lapisan makna. Menghayati karya-karya besar William Shakespeare, William Golding, John Steinbeck dan juga penyair seperti Edgar Allen Poe, William Blakes, John Keats, T.S. Elliot dan William Wordsworth, dan juga karya-karya penyair serantau seperti Masuri S.N., Usman Awang, Chairil Anwar, Amir Hamzah, Ayip Rqside, dan H.B. Jassin, menggerakkan keinginan untuk berkarya dalam genre puisi. Tambahan pula, saya berpandangan puisi menuntut ketelitian dan pengamatan berbahasa yang lebih berbanding dengan genre lain. Puisi memberi lebih banyak ruang untuk berbicara atau meluahkan tafsiran, gagasan atau pandangan peribadi tentang subjek atau permasalahan yang berada di sekitar kita. Puisi mencabar "kekuatan emosi dan intelek diri kerana dengan menggunakan perkataan yang minimum kita berupaya mengungkapkan idea, gagasan, pemikiran atau persoalan yang besar tentang diri, manusia, alam dan kemanusiaan. Untuk menjadi penyair kita perlu memiliki daya fikir, daya merenung dan daya pengamatan yang tajam, di samping memiliki khazanah bahasa yang tinggi dan kebijaksanaan menggunakannya secara puitis.

Pandangan peribadi YBhg. Datu terhadap kenyataan pihak tertentu yang menyatakan sastera tiada nilai komersial?

Sukar untuk diterima apabila ada yang menyatakan sastera tiada nilai

SASTERA TIDAK AKAN HILANG NILAI KOMERSIALNYA SELAGI SASTERA MENGUNGKAPKAN PERMASALAHAN MANUSIA DAN KEMANUSIAAN DALAM PELBAGAI KONTEKS SOSIO BUDAYA SECARA JUJUR DAN IKHLAS.



komersial. Sekiranya kita melihat nilai komersial sesuatu aktiviti kesasteraan itu dari sudut wang ringgit semata-mata, tentulah sesuatu karya itu kurang nilai komersialnya. Namun demikian, perlu difahami bahawa aktiviti komersial ialah aktiviti manusia yang menyentuh secara langsung hal-hal yang berhubungan dengan kebajikan, kesejahteraan dan kemakmuran manusia atau masyarakatnya. Bentuk aktiviti komersial berubah mengikut keadaan, perkembangan dan tuntutan semasa. Sastera tidak akan hilang nilai komersialnya selagi sastera mengungkap permasalah manusia dan kemanusiaan dalam pelbagai konteks sosiobudaya secara jujur dan ikhlas. Kejujuran dan keikhlasan penulis yang dipandukan oleh nilai-nilai murni inilah yang akan menentukan corak dan pendekatan pengkaryaan penulis menzahirkan pengamatannya sentiasa relevan sepanjang musim.


Apakah kepentingan sastera dalam kehidupan manusia?

Secara umum dan dalam bahasa mudah, sastera ialah makanan atau juadah berharga bagi mengisi atau memenuhi keperluan sosiobudaya, emosi dan kerohanian seseorang. Sastera mendekatkan seseorang dengan diri, masyarakat dan persekitarannya. Dalam kata lain, sastera menyediakan persekitaran sosiobudaya, emosi dan intelek kepada manusia. Sastera ialah media kebahasaan dan persuratan yang berperanan menghubungkan seseorang individu dengan dirinya sendiri, masyarakat, dan juga aspirasi serta harapan masa hadapan. Sastera akan terus relevan. Dalam negara maju, sastera ditempatkan dalam kedudukan yang tinggi dan dihargai sama ada dalam dunia korporat dan sebagainya. Kejujuran dan keikhlasan merupakan perkara utama yang harus terus ada dalam sastera. Jika nilai jujur dan ikhlas dipinggirkan, sastera itu akan kurang signifikannya.

Dalam sistem pendidikan sekarang, ada pelajar yang dipaksa dan disalurkan untuk mengambil kursus sains atau teknik walaupun nalurinya tidak ke arah itu. Kalau pelajar yang bijak pula mengambil aliran sains, maka akan dikaitkanlah orang sastera itu orang yang lemah fikirannya. Itu bukan cara yang terbaik untuk menilai seseorang dan hal ini mempengaruhi persepsi. Kita harus terbuka. Sastera itu biarlah dijadikan suatu pilihan penting kepada pelajar. Bercakap tentang berfikir aras tinggi, tidak ada juga elemen sastera yang dimasukkan bagi memupuk pelajar, sedangkan sastera boleh memandu ke arah perkara tersebut. Sistem pendidikan kita yang meminggirkan sastera.

Apakah strategi yang perlu digunakan dalam konteks sastera di Sarawak?

Apabila karya sastera itu mampu menjana dan mencabar pemikiran yang tinggi melalui pengungkapan dan pengolahan



permasalahan semasa secara jujur, ikhlas dan objektif, saya yakin rakyat negara ini akan menghargai sastera. Malaysia amnya dan Sarawak khususnya hendaklah memberikan sebanyak ruang dan peluang kepada para penulis untuk menghasilkan karya-karya yang mengupas, menceritakan atau memperkatakan isu-isu semasa dalam konteks meningkatkan kesedaran dan rasa kebertanggungjawaban bersama untuk melestarikan kesejahteraan dan kelangsungan bersama.

Apakah usaha yang perlu untuk mengantarabangsakan sastera kita?

Sastera Melayu harus mengungkap persoalan global dan sejagat sifatnya. Penulis boleh menggunakan kearifan setempat untuk menentengahkan sastera kita kepada masyarakat global. Kita juga harus bercakap tentang persoalan yang global dan sensitif. Penulis Malaysia juga perlu menggunakan bahasa dunia untuk mengungkap permasalahan setempat. Selain itu, kita juga perlu menterjemahkan karya dalam bahasa

Melayu ke dalam bahasa dunia yang penting supaya khalayak pembaca tersebut merentasi sempadan politik, budaya dan bangsa.

Kedutaan kita juga boleh memainkan peranan yang penting untuk memperkenalkan sastera Malaysia. Orang dari luar negara akan mengenali sastera kita. Perlu ada program supaya penulis ditempatkan secara bergilir di kedutaan kita untuk membina hubungan dengan penulis negara lain, bukan dengan hanya lawatan singkat, tetapi harus ada kerusi seperti kerusi pengajian Melayu di universiti luar negara.

Kongres Seni Sarawak - Bagaimanakah idea pengelolaannya tercetus?

Kongres Seni Sarawak digarap berpaksikan kesedaran tentang pentingnya seni untuk mengangkat martabat kehidupan manusia dalam zaman pembangunan ekonomi yang pesat. Kami ingin membawa masyarakat untuk sama-sama menyedari bahawa seni mempunyai tempat penting dalam konteks membentuk negara bangsa yang bernaung dan berintegriti.

Kongres Seni Sarawak yang memberikan fokus kepada bidang seni persembahan dan seni persuratan pasti sekali membuka ruang yang cukup luas untuk membantu pembangunan dan perkembangan industri pelancongan di Sarawak, dan berharap kedua-dua bidang ini tidak dipinggirkan. Kongres ini juga menggalakan pemikiran yang kritis dan kreatif sesama aktivis setempat. Gagasan, pemikiran, cadangan dan usul daripada Kongres Seni ini diyakini akan dapat membantu Kerajaan Negeri Sarawak menetapkan hala tuju pembangunan kesenian dan industri berkaitan dalam usaha menjana serta menggerakkan ekonomi digital.

Projek penulisan terkini?

Saya berhasrat untuk menghasilkan puisi tentang Sarawak dan kesatuannya dalam kepelbagaian. Selain itu, saya juga sedang berusaha untuk mengumpul catatan perjalanan anak Sarawak yang berada dalam dan luar negeri Sarawak, dan juga tentang kampung-kampung, rumah panjang dan kampung Melayu Sarawak.